



TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN

AWAM

SEMPENA

MAJLIS PERSADA GEMILANG JPA

TAHUN 2017

23 MAC 2017 (KHAMIS)

AUDITORIUM JPA, ARAS 4, BLOK C1

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan dan
Salam #Negeraku Malaysia

Terima kasih Saudara dan Saudari
Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin
Mohd Abd Rahman

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Sabariah binti
Hassan

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Pengarah-Pengarah
Bahagian

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-
Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan
Warga JPA yang saya kasihi sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita
memanjatkan kesyukuran ke hadrat
Allah S.W.T. kerana atas limpah dan
inayahNya jua, dapat kita bersama-

sama pada hari ini bagi meraikan Majlis Persada Gemilang Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2017.

2. Penyediaan Anugerah dan ganjaran kepada penjawat awam ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, dedikasi dan jasa yang telah ditaburkan oleh anda semua dalam menggalas amanah yang telah diberikan. Melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus

memberikan komitmen dan daya usaha untuk meningkatkan produktiviti serta mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

3. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada seramai 189 orang pegawai JPA yang layak diberikan APC dan lima (5) orang pegawai yang layak menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Harapan saya agar kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan akan terus dikekalkan dan menjadi pendorong kepada lakaran kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan datang. Saya percaya suatu hari nanti, berkat doa dan kerja ikhlas kita semua, JPA akan terus

memacu derap sebagai peneraju transformasi perkhidmatan awam.

4. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur kerana berjaya mengadakan majlis ini dengan teratur dan lancar. Ini jelas mempamerkan semangat kerja berpasukan yang tinggi, dan semangat kekitaan yang padu di bawah bumbung JPA. Selaras dengan dasar penjimatan dan perbelanjaan berhemah yang diamalkan sekarang, saya difahamkan kos penganjuran Majlis Persada Gemilang pada tahun ini berjaya

menjimatkan perbelanjaan Jabatan sebanyak RM31,100.00, berbanding penganjuran pada tahun terdahulu. Semoga usaha-usaha mengawal perbelanjaan wang Kerajaan secara optimum akan terus ditingkatkan dan dimantapkan dari semasa ke semasa.

PERKHIDMATAN AWAM MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Warga JPA yang saya kasihi,

5. Perkhidmatan awam merupakan tonggak utama kepada pentadbiran negara. Sebagai tulang belakang

kepada pentadbiran negara, adalah amat wajar kita dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan prakarsa-prakarsa strategik berpaksikan Dasar Transformasi Nasional yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kita sanjungi sejak tahun 2010, demi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang terang-kum dan lestari. Menerusi enam Program Transformasi holistik yang dilahirkan di bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional iaitu Program

Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik, Komuniti, Sosial dan juga Fiskal, Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar termasuk pertumbuhan perlahan dan tidak sekata di kalangan ekonomi utama dunia; harga minyak yang berterusan rendah; dan peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Ini dibuktikan apabila kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2016 dicatatkan pada kadar 4.2% dengan nilai RM1,299.4 bilion pada harga semasa berbanding

RM1,157.1 billion pada tahun 2015 dan pengurangan defisit fiskal Kerajaan daripada 6.7 peratus (pada 2009) kepada 3.1 peratus (2016) berbanding KDNK. Hakikat ini disokong oleh International Monetary Fund (IMF), salah satu institusi yang paling dihormati di dunia yang berpusat di Washington DC, Amerika Syarikat dalam penilaian mereka yang menyatakan:

“The Malaysian economy continues to perform well, despite significant headwinds, and has made significant

progress towards achieving high-income status.”

6. Kita juga telah mencatat kejayaan-kejayaan membanggakan di persada global. Negara berada di tangga ke-25 daripada 138 buah ekonomi dalam *Global Competitiveness Index* yang dikeluarkan oleh World Economic Forum bagi tahun 2016-2017, mengatasi negara seperti Republik Korea (kedudukan ke-26) dan Republik Rakyat China (kedudukan ke-28). Berdasarkan penarafan Bank Dunia pula, Malaysia menduduki tangga

empat teratas bagi kumpulan Asia Timur dan Pasifik untuk *Ease of Doing Business* tahun 2017, selepas Singapura, Hong Kong dan Taiwan. Malah, kita harus berbangga apabila Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang berbanding negara-negara berpendapatan tinggi seperti Perancis, Switzerland, Belgium dan Luxembourg.

AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

Warga JPA yang saya kasihi,

7. Dalam mendepani cabaran-cabaran masa hadapan, YAB Perdana Menteri telah menginspirasi gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 pada bulan Oktober tahun lalu. TN50 merupakan dasar futuristik yang bersifat holistik dan inklusif untuk memeta perancangan dan visi strategik negara bagi tempoh tiga dekad yang mendatang. Kerajaan kini sedang giat mengadakan program-program dialog dan *roadshow* TN50 di serata negara bagi mendapat dan mengumpul aspirasi dan harapan rakyat jelata melalui pendekatan *bottom-up*.

8. Inisiatif-inisiatif TN50 yang diperkenalkan kelak akan mengubah lanskap pemikiran politik, ekonomi dan sosial Malaysia ke arah membentuk negara bangsa berwibawa serta berminda '*par excellence*'. Anjakan paradigma ini lebih menjurus kepada transformasi minda yang membolehkan warga Malaysia berdaya saing dan mampu berdikari untuk membangunkan negara menjelang tahun 2050. JPA juga sudah tentu tidak ketinggalan dalam usaha merangka strategi-strategi baharu yang segar dengan mengambil kira senario-senario berkemungkinan yang akan

Warga JPA yang saya kasihi,

9. Seiring dengan pengisytiharan tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian Perkhidmatan (*Year of Delivery*) oleh YAB Perdana Menteri dan tema Majlis Persada Gemilang Tahun 2017 iaitu “Perkhidmatan Cemerlang, Penyampaian Gemilang”, warga JPA perlu sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang lebih jitu kepada para *stakeholders* dan pelanggan. Kesungguhan dan iltizam dalam menyumbang khidmat bakti akan meningkatkan momentum produktiviti ke arah mencapai visi

negara maju berpendapatan tinggi dan agenda transformasi nasional yang holistik. Dalam konteks ini, pembudayaan organisasi berasaskan prestasi dan kecemerlangan merupakan nadi utama bagi memastikan penjawat awam fokus kepada penyampaian perkhidmatan dan menjamin Perkhidmatan Awam sentiasa relevan. Dalam usaha mencapai falsafah dan makna sebenar Tahun Penyampaian Perkhidmatan ini, JPA perlu terus menjadi agensi peneraju dalam melahirkan modal insan dan bakat terbaik yang berkualiti, berkebolehan tinggi, tangkas serta

memenuhi ekspektasi pelanggan dan *stakeholders*, bersiap siaga bagi menghadapi dan menangani cabaran dalaman negara mahupun globalisasi.

10. YAB Perdana Menteri telah berulang kali mengingatkan penjawat awam supaya mengikis pemikiran atau *mindset* bekerja secara berasingan atau *silo mentality*. Dalam setiap tugas, program dan aktiviti yang kita laksanakan, tanamkanlah sifat muafakat. Saya mahu dalam apa jua perkara, kita perlu tangani dengan pendekatan strategik, diselesaikan dengan semangat berpasukan serta

meruntuhkan tembok *silo* di kalangan warga. Semangat ini juga perlu merentasi agensi demi merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang mensejahterakan rakyat. Kuat akar kerana tunjang, kuat tunjang kerana akar. Begitulah hendaknya kita semua.

INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI **ASAS KECEMERLANGAN**

Warga JPA yang saya kasihi,

11. Kecemerlangan bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang

bersih dan berintegriti. Sebagai jentera kerajaan yang berperanan melaksana segala dasar-dasar dan keputusan kerajaan, pegawai awam perlu menumpukan seluruh usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, telus, mendahului dan mementingkan rakyat dan pelanggan bagi memastikan kejayaan matlamat kerajaan.

12. Perkhidmatan awam yang sentiasa dekat dengan rakyat perlu dilihat sebagai satu perkhidmatan yang sentiasa bersih dan menjadikan

integriti sebagai teras utama. Sehubungan itu, budaya kerja yang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawapan serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri setiap penjawat awam agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus di samping perlu juga diterapkan elemen sentuhan kemanusiaan bagi menangani dan menyelesaikan kes-kes tertentu.

13. Harapan saya agar setiap warga JPA dapat menjaga disiplin diri serta imej dan nama baik Jabatan dari

sebarang isu dan tanggapan negatif rakyat lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang semakin moden dan mencabar ini. JPA sebagai Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam mesti menjadi penggerak dalam arus pemodenan dan transformasi Negara. Warga kerja yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang menjadi aset penting ke arah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang produktif dan berkualiti.

14. Sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, saya ingin menegaskan bahawa saya tidak akan

berkompromi dengan mana-mana pegawai yang telah terbukti bersalah dalam penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan wang Kerajaan. Saya mahu setiap pegawai JPA sentiasa menjalankan tugas dengan penuh amanah, jujur dan bertanggungjawab. Saya juga ingin menasihatkan para pegawai terutamanya pegawai muda supaya merancang perbelanjaan kehidupan seharian dengan bijak dan berhemah agar tidak terjerumus ke dalam kancah bahaya rasuah.

15. Selain itu, gejala yang semakin membimbangkan pada era teknologi

maklumat kini ialah penyebaran maklumat-maklumat palsu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin menasihatkan para penjawat awam khususnya para pegawai JPA untuk mengesahkan dahulu maklumat yang diterima di media sosial. Yang paling utama, janganlah sesekali terlibat dengan penyebaran sesuatu maklumat atau memberikan komen-komen yang boleh ditafsirkan mengikut Perintah Am (*General Orders*) sebagai mencemarkan imej Perkhidmatan Awam, atau pun melanggar peruntukan undang-undang seperti di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA).

KESETIAAN KEPADA NEGARA

Warga JPA yang saya kasihi,

16. Kita seharusnya berusaha mengekalkan kepercayaan dan memperlihatkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, negara dan kerajaan yang memerintah. Kita sentiasa perlu memperbaharui azam dan tekad untuk berkerja dengan lebih rajin dan memberi khidmat yang sebaik mungkin untuk negara kita. Selaras dengan Surat Aku Janji yang telah kita tandatangani, kita adalah

dikehendaki berkhidmat dengan penuh tanggungjawab dan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, negara dan kerajaan yang memerintah. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada penjawat awam yang berkelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai telah tidak menzahirkan taat setia kepada Yang Dipertuan Agong, negara dan kerajaan. Setiap dasar dan keputusan kerajaan haruslah disokong dan janganlah diperolok-olokkan. Kita sebagai penjawat awam juga haruslah melaksanakan dasar dan keputusan kerajaan itu dengan penuh wibawa.

WORK-LIFE BALANCE

Warga JPA yang saya kasihi,

17. Saya juga ingin mengajak semua warga JPA agar mencari titik keseimbangan dalam kehidupan kita. Tanggungjawab ke atas kerja adalah penting, tetapi dalam masa yang sama tanggungjawab kita ke atas diri sendiri dan keluarga adalah sama penting kerana kesemua elemen ini saling berkait rapat. Hubungan harmoni harus juga dibajai dengan mereka yang berada di luar lingkup kerja dan jangan sesekali alpa untuk

menyemai minat dan hobi kita yang mana dulunya adalah salah satu elemen yang membentuk sahsiah dan peribadi diri kita. Adalah menjadi aspirasi Kerajaan agar penjawat awam dapat mengasimilasikan keseronokan bekerja dalam persekitaran yang harmoni dan kondusif, sekaligus meningkatkan keberkesanan dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Manfaatkanlah persekitaran kerja dan kemudahan yang disediakan agar kesihatan mental dan fizikal kita semua berada pada tahap yang optimum. Saya percaya suasana kerja yang kondusif akan membantu

meningkatkan produktiviti dan menggalakkan pertukaran idea sekaligus membantu organisasi mencapai sasaran *outcome*.

PENUTUP

Warga JPA yang saya kasihi,

18. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dinobatkan sebagai insan cemerlang bagi tahun 2016. Teruskanlah kecemerlangan anda

demikian merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang mensejahterakan rakyat dan memakmurkan negara. Asuh dan didiklah diri kita supaya sentiasa ingin bersaing meningkatkan potensi diri dengan keilmuan, kecekapan, kemahiran dan memupuk amalan integriti dalam melaksanakan tugas masing-masing. Janganlah kita sering bertanya apakah faedah atau ganjaran Kerajaan kepada kita. Sebaliknya, bertanyalah kepada diri kita, apakah sumbangan kita kepada nusa dan bangsa yang tercinta ini.

19. Saya akan mendoakan semoga tuan-tuan dan puan-puan sekalian terus beristiqamah dan beriltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan Perkhidmatan Awam mendapat keberkatan-Nya dan mencapai matlamat dengan jayanya.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.